

Kenapa Tak Boleh Cerita Buruk Company Sebelumnya..

Salam

Sebelum sebelum ni kan. Saya sangat yakin fikir macam ni..

“tak ada masalah pun nak cerita buruk company sebelum nya kalau dah memang perangai diorang buruk”

Ini yang saya fikir tau.

Sebab banyak tulis kat internet mengatakan, tak boleh cerita buruk company sebelum nya masa interview. So saya tak percaya pendapat ni.

Sehingga lah kena batang hidung sendiri

Adoi...

Dalam bulan lepas. Saya ada pergi satu open interview untuk salah satu company terkemuka dalam industri Semicon kat Malaysia ni, iaitu Osram. Osrempit

Saya ada kongsikan gambar gambar nya kat artikel ni, [**pengalaman temuduga paling latest**](#)

so kat dalam artikel tu saya ada bagi tahu lah.. Yang saya nak cari tempat kerja baru, sebab tension ngn kerja sekarang yang terlampau banyak sangat task nak kena setel sendiri.

Saya bukan tak bersyukur tau, saya tahu mungkin ada yang terasa, saya gaji dah ok, dah dapat kerja. Tapi masih lagi nak cari lain. Kami ni yang tak langsung lagi kurang lah peluang nak dapat kerja.

Sorry lah kalau ada yang terfikir macam tu.

Tapi tempat kerja saya sekarang memang bz nak mampus..

Jadi, nak dijadikan cerita. Time saya temuduga dengan Engineer Osram tu.

Saya mula lah dengan keburukan kerja di tempat lama... itu ini itu ini..

Tau Engineer Osram tu cakap apa?

THIS COMPANY WILL EVEN MORE WORSE

Berturutan lah ayat dia mengatakan company Osram ni lagi banyak kerja banding dengan company saya. Yang padahal, sebenarnya tak pun.

Company OSRAM tu dia baru bukak cawangan lagi satu kat Kulim, normally company baru tak banyak kerja pun. Production WIP tak banyak punya.

Confirm tak banyak..

Biasa nya akan ada 2 3 sample sahaja nak jalan. Tool pun masih lagi belum padat banyak nya macam company saya sekarang.

Tapi tu lah, masalahnya sekarang, sebabkan saya sudah start dengan negatif, si engineer to pula dah balas dengan yang kononnya lagi negatif. Agak susah untuk saya tackle dan reply kenyataan dia supaya temuduga tu tampak menunjukkan kelebihan saya..

Tak kan saya nak cakap..

“EH TAK, TAK MUNGKIN. INI COMPANY BARU, TAK MUNGKIN U PUNYA PRODUCTION WIP BANYAK MACAM TEMPAT SAYA KERJA”

Tak mungkin saya ayat saya menang, dan dia akan bersetuju kan?

So lepas ni, saya tak akan buat kesilapan ini dah.

Elok kita cerita yang positif positif sahaja, yang negetif, tinggalkan jauh jauh..

So macam mana nak start dengan positif? Meh saya bagi 3 contoh untuk korang boleh jadikan sebagai idea nanti..

Idea Pertama

Ayat Saya: Untuk company XXXX yang saya kerja sekarang OK. Bagus, best. Benefit OK. Kerja pun nampak macam banyak yang saya dapat belajar. Dari mula proses, sambil akhir. Saya percaya, sangat jarang company company lain yang beri pendedahan dan involvement dalam penghasilan product seperti yang saya dapat dengan company sekarang...

Ayat Penemuduga: Kalau semua dah ok kenapa u nak pindah?

Ayat Saya: sebab saya nak belajar lebih lagi. Saya percaya dengan Osram saya akan belajar lebih banyak benda lagi. Lagi pula dengan company yang baru nak start, machine pun baru masuk. Ia membuatkan saya rasa semangat untuk turut sama membantu bla bla bla..

Saya ada 3 4 kawan juga yang bagi tahu, tool dan machine tengah di bawah masuk kan sekarang?

Ok?

Sekarang saya nak olah dan terangkan pada korang, kenapa saya cakap macam di atas tu. Oh ya, korang kena tukar ayat tu jadi bahasa inggeris tau.. saya malas nak berbelit nak tukar kan..

So dialog yang pertama, saya berikan situasi yang positif. No more negatif. Saya juga puji akan kelebihan bekerja dengan company sekarang.

Untuk dialog dari Penemuduga, confirm dia akan tanya macam tu kan. Kalau semua dah ok, kenapa saya nak pindah pula..

Kemudian, saya tambah dengan dialog kedua sebab nak belajar lebih lagi. Rasanya korang pun perasan, ayat saya yang kedua cakap nak belajar lebih lagi tu tak cukup power kan? So saya perkukuh kan ayat saya, dengan cuba mengawal keadaan dengan

bertanyakan soalan!!

Kiranya, cuba untuk alih perhatian dia.

Temuduga ni, kadang kadang kita kena kawal apa yang dia nak cakap juga. supaya ayat tu akan menindas kredibiliti kita pulak nanti..

Jelas?

Ok itu lah 1 sahaja.

Malas pula nak fikir lagi 2..

Adios..

Jangan lupa, baca artikel [pengalaman saya yang paling latest](#) tu..